

07/12/1998

Konsep 5K salur mesej mengenai HIV

GEORGETOWN, Ahad - Konsep 5K iaitu Kesedaran, Komitmen, Kerjasama dan Keseragaman aktiviti membabitkan penyakit Aids dan HIV adalah objektif yang akan dilakukan supaya mesej mengenai tercapai.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata tanpa konsep 5K semua aktiviti atau program mengenai Aids dan HIV akan menjadi sia-sia.

Menurutnya, masih ramai tidak sedar mengenai bahaya Aids sehingga ada pihak tidak mahu berikan kerjasama untuk menjayakan program atau aktiviti membabitkan Aids dan HIV.

Katanya, penyakit Aids dan virus HIV kini semakin serius apabila seramai 851 dilaporkan meninggal dunia sepanjang tempoh Januari 1997 hingga September tahun ini, berbanding hanya 696 pesakit Aids meninggal dunia untuk tempoh 1986 hingga 1996 lalu.

"Ini adalah sesuatu yang serius kerana lebih separuh daripada 1,547 pesakit terbabit dilaporkan dalam tempoh 21 bulan ini," katanya selepas merasmikan Karnival Riben Merah sempena Hari Aids Sedunia di Lebih Leith, dekat sini, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Yayasan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata adalah sesuatu yang dikesalkan apabila masih ada sebahagian besar pemimpin pertubuhan agama terutamanya daripada masyarakat Islam beranggapan pesakit Aids perlu disisih daripada masyarakat.

Menurutnya, ada kes pesakit Aids yang meninggal dunia tidak mahu disempurnakan mayatnya secara teratur kerana imam atau pemimpin agama yang berfikiran sempit akibat tidak ada kesedaran mengenainya.

Katanya, tanpa kesedaran atau rasa tanggungjawab untuk melakukan sesuatu daripada masyarakat pasti pesakit Aids akan terus meningkat dari semasa ke semasa.

"Orang ramai terutamanya imam atau ulamak perlu sedar bahawa statistik menunjukkan dari jumlah pesakit Aids/HIV seluruh negara 52 peratus adalah membabitkan umat Islam," katanya yang turut hadir pada majlis perasmian Karnival Riben Merah itu.

Sebagai contoh menurutnya, golongan pemimpin agama di Indonesia melakukan pelbagai aktiviti terutama memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai bahaya Aids.

"Tanpa pembabitan serius semua pihak pasti program dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan terus gagal," katanya.

Seramai 2,000 orang ramai pelbagai kaum membanjiri sepanjang Lebu Leith yang menempatkan 30 gerai jualan pelbagai makanan dan cenderamata, 12 gerai pameran mengenai HIV/Aids dan 10 gerai permainan untuk orang ramai sempena karnival bermula 5.30 petang hingga 12 tengah malam itu.

Selain persembahan kebudayaan pelbagai kaum pengunjung turut dihiburkan artis-artis terkenal seperti persembahan dari kumpulan Shades, kumpulan Tops dan Shahrizan.

(END)